

**A**pabila kita bercakap tentang muzium, sudah pasti akan ada tanggapan negatif tentang tempat tersebut. Hal ini kerana muzium dianggap sebagai tempat yang membosankan yang menyimpan dan mempamerkan koleksi barangan lama berkaitan dengan sejarah negara, budaya, wilayah atau bertemakan sesuatu yang diminati oleh pelawat atau pelancong.

Kaedah muzium tradisional yang mempamerkan gambar atau barangan antik warisan yang berbentuk statik dianggap hambar dalam suasana senyap dan sepi di sekelilingnya. Menurut Majlis Antarabangsa Muzium (International Council of Museums, ICOM), muzium ditakrifkan sebagai sebuah institusi yang tidak mencari keuntungan untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan kemajuannya serta terbuka kepada orang ramai.

Muzium juga merupakan institusi yang berperanan untuk melakukan perolehan, memulihara, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan pelbagai bahan warisan yang bertujuan untuk mendidik, memberikan keseronokan dan pembelajaran, serta bahan bukti tentang evolusi manusia dan persekitarannya. Walau bagaimanapun, perubahan persekitaran sosioekonomi dan geopolitik global telah mengakibatkan perubahan terhadap peranan dan fungsi muzium pada peringkat antarabangsa yang kemudiannya menghakikkan persepsi negatif tentang muzium dalam era digital.

### Muzium di Malaysia dan Global

Di Malaysia, muzium atau "sekolah gambar" yang mula

# Diplomasi Muzium Hala Tuju Strategik Kesepakatan Hubungan Antarabangsa



Md Zabid Haji Abdul Rashid



dikenali di Persekutuan Tanah Melayu telah wujud pada tahun 1883 dan dikenali sebagai Muzium Perak di Taiping. Penubuhan muzium tersebut telah dicetuskan oleh Residen British di Perak, iaitu Sir Hugh Low yang mengarahkan seorang pegawai penguatkuasa dalam Pentadbiran Taman Bukit Larut untuk mengumpul segala bahan berkaitan sejarah, sosioekonomi, geologi, botani, zoologi dan juga hal-hal yang berkaitan dengan budaya dan adat resam setempat. Muzium itu juga menjadi sebuah pusat bagi pihak penjah memahami cara hidup masyarakat tempatan dan sebagai pusat rekreasi serta tempat pertemuan sosial komuniti Inggeris di negeri Perak.

Pada tahun 1888, Sir Charles Brooke, Raja Sarawak kedua telah menubuhkan sebuah Muzium Sarawak di Kuching. Muzium Selangor pula telah ditubuhkan pada tahun 1899 dan beroperasi pada tahun 1906, namun musnah akibat terkena ledakan bom pada 10 Mac 1945, iaitu pada akhir


Perang Dunia Kedua. Pada 31 Ogos 1963, Muzium Negara telah dibuka di tapak yang sama yang bertujuan mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa Malaysia. Perkembangan muzium di Malaysia agak pesat sejak penubuhan Muzium Negara. Menurut laporan Jabatan Muzium Malaysia, terdapat 189 buah muzium di seluruh negara termasuk muzium seliaan kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, pihak swasta dan institusi pendidikan. Jabatan Muzium Malaysia mengawasi 22 buah muzium seperti dalam Rajah 1.

Peningkatan bilangan muzium bukan sahaja untuk mengumpulkan dan mengekalkan khazanah warisan masyarakat, tetapi juga bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pendidikan tentang kemajuan sesuatu perkara seperti kebudayaan dan sejarah. Muzium juga menjadi kaedah masyarakat berbilang kaum mengenali dan memahami pelbagai budaya masyarakat dan adat resam mereka bagi memupuk semangat perpaduan dan menghormati perbezaan budaya.

Jumlah pelawat yang melawat ke muzium sangat baik sebelum pandemik COVID-19. Pada tahun 2018, jumlah pelawat muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia sebanyak 2.97 juta orang termasuk 395 839 orang pelawat dari luar negara. Jumlah pelawat dari kelompok pelajar juga adalah memberangsangkan, iaitu sebanyak 261 979 orang atau 8.8 peratus daripada jumlah pelawat pada tahun tersebut. Jumlah tersebut menjunam pada tahun 2020 dan 2021 tetapi meningkat semula pada tahun 2022.


Data ini menunjukkan bahawa muzium di Malaysia masih mampu menarik minat

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia 2022.



Rajah 1 Muzium di bawah pengawasan Jabatan Muzium Malaysia.

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia pada tahun 2018 hingga tahun 2022.



Rajah 2 Jumlah pelawat muzium di Malaysia pada tahun 2018 hingga tahun 2022.

pelawat sama ada pelawat tempatan atau antarabangsa. Muzium tersebut juga berperanan sebagai institusi pendidikan bagi murid sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Walaupun

data pelawat bagi muzium swasta dan badan bukan keuntungan tidak dibekalkan, tetapi muzium tersebut masih dikunjungi oleh pelawat kerana pengkhususan pameran dan tema yang

diberi perhatian oleh pihak penganjur muzium tersebut.

Muzium Terengganu atau kenali sebagai Muzium Losong merupakan antara muzium terbesar dan tercantik di Malaysia. Namun pada tahun 2022, Borneo Cultures Museum yang dibuka kepada orang ramai pada bulan Mac 2022 menjadi muzium kedua terbesar di rantau Asia Tenggara. Bangkok National Museum yang ditubuhkan pada tahun 1874 pula merupakan muzium terbesar di rantau ini.

Pada peringkat global, bilangan pelawat paling ramai melawati muzium ialah Muzium Louvre, Perancis yang menerima lebih 2.83 juta pelawat pada tahun 2021 berbanding sebanyak 2.68 juta pelawat pada tahun 2020. Muzium kedua paling ramai dilawati di dunia ialah National Museum of China, Beijing yang menerima 2.38 juta pelawat pada tahun 2021. Metropolitan Museum of Art di New York, Amerika Syarikat merekodkan kehadiran sebanyak 1.96 juta pengunjung pada tahun 2021 yang merupakan peningkatan

sebanyak 74 peratus berbanding dengan tahun 2020.

Peningkatan dalam jumlah pelawat dan pengunjung ke muzium di dunia adalah kerana muzium dilihat sebagai satu daripada tempat bagi mencari ketenangan. Walaupun bilangan pelawat muzium dan pengunjung galeri kesenian bertambah, pengurusan muzium perlu memberikan perhatian terhadap usaha menarik minat golongan belia melawat muzium. Hal ini bagi menarik minat mereka terhadap ilmu dan pengalaman baharu tentang sesuatu peristiwa atau perkara. Oleh itu, pihak berwajib harus memainkan peranan pada peringkat antarabangsa supaya peranan muzium tempatan dapat diperkasakan secara berkesan dan berimpak.

Bilangan muzium di Malaysia tidak begitu banyak berbanding dengan negara lain seperti negara Eropah dan negara Asia yang lain. Rajah 3 menunjukkan bahawa terdapat peluang untuk menambah bilangan muzium di Malaysia bagi menarik


kedatangan pelancong luar negara dan menjaga warisan khazanah negara.

### Diplomasi Budaya dan Diplomasi Muzium



Pihak berkepentingan wajar melihat kemajuan dan pembangunan muzium sebagai suatu wadah yang boleh melonjakkan imej dan identiti khusus sebagai negara yang kaya dengan pelbagai budaya yang kreatif dan inovatif. Muzium hari ini telah mengubah peranan mereka secara berperingkat melalui kaedah lebih berinteraksi dengan masyarakat dalam aktiviti mereka.

Antara langkah yang diambil oleh pihak muzium bagi meningkatkan kedatangan pelawat termasuklah meneroka projek khusus bagi menarik minat pelbagai kelompok umur, menawarkan pendidikan dan pembelajaran khusus, pelibatan secara digital dan pendekatan pameran yang tertumpu kepada minat pelawat. Oleh sebab peranan muzium yang menjadi pemegang amanah warisan budaya dan pempamer seni budaya, muzium berperanan sebagai "duta budaya" yang sangat berkesan dalam meningkatkan diplomasi hubungan antarabangsa.

Diplomasi budaya dapat memainkan peranan yang penting dalam hubungan antarabangsa, khususnya negara yang mempunyai budaya dan ideologi yang berbeza. Diplomasi budaya merupakan suatu jambatan untuk komunikasi strategik antara negara yang memiliki budaya yang berbeza. Apabila hubungan antara kedua-dua negara mula merosot dan dingin, pihak berkepentingan yang bukan pemain utama dalam diplomasi antarabangsa tetapi memiliki ilmu dan kepakaran khusus yang dapat mempengaruhi pihak



Rajah 3 Kedudukan 20 buah negara yang mempunyai paling banyak muzium.



Muzium Louvre Abu Dhabi

lain untuk bekerjasama atau bersikap empati terhadap sesuatu isu. Sebagai contoh, diplomasi budaya adalah peranan Saudara Neil Macgregor, Pengarah British Museum di London, United Kingdom pada ketika itu untuk berunding pada peringkat tertinggi diplomatik bagi membantu institusi dan komuniti budaya yang dilanda konflik antarabangsa.

Pada tahun 2003, semasa perang Iraq, British Museum telah memainkan peranan menyelamatkan semua repositori khazanah negara tersebut daripada kemusnahan peperangan. Peranan yang dimainkan oleh British Museum itu merupakan suatu hala tuju strategik demi menjamin kepentingan institusi itu dan warisan sejarah serta khazanah negara tersebut. Pada tahun 2005, pihak British Museum juga telah mengadakan pameran tentang sejarah silam negara Iran yang juga bertujuan untuk mengurangkan

ketegangan politik dalam hubungan di antara Iran dan United Kingdom.

Dalam konteks muzium, diplomasi budaya kerap digunakan untuk meningkatkan hubungan antara dua negara. Justeru, diplomasi budaya merupakan satu daripada kaedah untuk mempengaruhi pihak lain menunjukkan sikap empati dan kerjasama dalam usaha menyelesaikan sesuatu hal ehwal politik antarabangsa. Profesor Joseph Nye dari Universiti Harvard yang juga mantan Penolong Setiausaha Pertahanan (hal ehwal keselamatan antarabangsa) menyatakan bahawa kaedah kuasa lembut (soft power) adalah suatu cara baharu yang digunakan dalam diplomasi antarabangsa untuk mempengaruhi dan mungkin juga mengawal hubungan dengan negara lain. Dalam hal demikian, terdapat peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak atas nama "diplomasi muzium" yang bertujuan

untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Pada tahun 2007, Muzium Louvre, Perancis mengumumkan cadangan bekerjasama membolehkan kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) menubuhkan muzium Louvre Abu Dhabi selama 30 tahun bersama-sama dengan penasihat kurator dan juga bahan koleksi seni yang akan dipinjamkan kepada kerajaan Emiriah Arab Bersatu. Pada tahun 2017, muzium tersebut telah dibuka kepada orang awam. Muzium tersebut mempunyai ruang seluas 260 000 kaki persegi dan 86 000 kaki persegi merupakan ruang galeri kesenian dan menjadikan muzium tersebut sebagai muzium terbesar di semenanjung dunia Arab. Pada tahun 2019, muzium tersebut telah menarik sejumlah dua juta pengunjung yang kebanyakannya dari negara Arab.

Pada tahun 2019, projek yang dikenali sebagai



Centre Pompidou x West Bund Museum di Shanghai, China merupakan satu lagi kaedah diplomasi muzium yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai dari negara China tentang pengurusan muzium. Dalam kerjasama itu, pihak Perancis akan membantu China bagi mereka bentuk dan membuat pameran yang eksklusif di Shanghai. Selain itu, pihak Perancis juga membawa barang kesenian China dalam pameran di Paris.

Pada peringkat rantau ASEAN, Singapura telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan Perancis dan menggalakkan hubungan kerjasama budaya antara dua negara pada tahun 2009. Satu daripada projek kerjasama tersebut adalah dengan mengadakan pameran kebudayaan Perancis dan Singapura. Singapura berjaya membuat pameran tentang budaya Cina Peranakan yang berada

## Dalam kerjasama itu, pihak Perancis akan membantu China bagi mereka bentuk dan membuat pameran yang eksklusif di Shanghai.

di Singapura di Musee du Quai Branly, Paris pada tahun 2010 dan 2011. Pameran tersebut mendapat sokongan politik yang penting bagi kedua-dua buah negara.

Justeru, diplomasi budaya telah menjadi suatu kaedah penting dalam hubungan antarabangsa dan mengeratkan hubungan serta kerjasama antara kedua-dua buah negara bagi tujuan kepentingan bersama. Diplomasi muzium juga sebahagian daripada cabang diplomasi budaya yang berkaitan dengan muzium dan artifak budaya yang dipamerkan.

Kaedah ini boleh dilakukan dalam bentuk pembinaan sesebuah muzium atau kedua-dua muzium menyokong aktiviti masing-masing dan melakukan pameran di kedua-dua lokasi. Diplomasi muzium juga bermakna sesebuah muzium menghadiahkan atau meminjamkan barangan seni atau antik kepada

muzium lain dan melakukan kerjasama dalam bentuk pameran di kedua-dua lokasi mengikut kesesuaian lokasi oleh pihak pempamer. Diplomasi muzium juga boleh berlaku dalam bentuk pameran bergerak untuk menarik perhatian pelawat tentang sesuatu perkara atau peristiwa. Oleh itu, peranan muzium dilihat semakin menyerlah dan diiktiraf sebagai pemain utama yang penting dalam diplomasi awam dan budaya pada peringkat antarabangsa.

Oleh hal yang demikian, diplomasi muzium memainkan peranan strategik dalam hubungan

antarabangsa dua negara. Taiwan misalnya telah berbelanja hampir USD300 juta pada tahun 2017 untuk membina sebuah muzium cawangan Taipei National Palace Museum di bandar raya Chiayi bagi menonjolkan sejarah dan khazanah masyarakat dan seni budaya China pada peringkat antarabangsa. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kedudukannya pada peringkat antarabangsa.

Museum of the Future di Dubai yang dibuka pada tahun 2022 merupakan usaha negara tersebut memberikan peluang kepada pelawat mendapat pengalaman

untuk mengetahui perjalanan kehidupan sehingga tahun 2071. Muzium tersebut mempunyai tujuh tingkat dan memberikan peluang kepada pengunjung melawati setiap tingkat dengan tema atau kandungan yang berbentuk masa hadapan. Kos membina muzium tersebut adalah sekitar USD136 juta. Matlamat muzium tersebut adalah untuk mendidik masyarakat betapa pentingnya untuk melihat masa hadapan bagi meneruskan kehidupan yang lebih baik.

### **Diplomasi Muzium dalam Era Digital**

Peranan muzium semakin menyerlah pada peringkat antarabangsa. Hal ini berlaku kerana perubahan senario sosioekonomi dan geopolitik yang mendesak pelbagai pihak bagi menggunakan apa-apa jua kaedah demi kebaikan manusia dan masyarakat. Muzium merupakan sebuah institusi yang dipercayai atau memiliki sifat kredibiliti yang tinggi dan tidak mempunyai kepentingan peribadi. Perkara inilah yang menjadikan muzium sebagai tempat mempengaruhi sesuatu pihak dalam hubungan antarabangsa.


Diplomasi muzium juga memberikan perspektif yang berbeza mengenai koleksi sesuatu institusi dan juga koleksi yang dimiliki oleh institusi tersebut. Hal ini kerana muzium boleh menjadi satu daripada sumber ekonomi sektor budaya dalam hubungan antarabangsa. Keadaan ini banyak berlaku di kebanyakan muzium di Amerika Syarikat yang mempunyai muzium swasta yang ditubuhkan oleh dermawan untuk tujuan tertentu dan pada masa yang sama dapat meningkatkan sumber pendapatan dan aset muzium tersebut.

Kewujudan muzium swasta juga telah memberikan

Sumber: Imej dari Southern Branch of National Palace Museum, Chiayi, Taiwan.



Sumber: Museum of the Future, Dubai, UAE.



kesan terhadap kaedah untuk mendapatkan penajaan daripada pihak swasta dan korporat mengubah haluan pengurusan muzium warisan dan seni kemasyarakatan. Satu daripada projek terbesar adalah pameran evolusi dan reka bentuk motosikal syarikat BMW pada tahun 1998. Projek tersebut yang dilakukan oleh Muzium Guggenheim dan mendapat tajaan syarikat BMW selama tiga tahun. Selain itu, projek pameran koleksi barangan berjenama seperti koleksi Giorgio Armani juga telah mendapat tajaan daripada syarikat berkenaan dan menonjolkan lebih 400 pakaian fesyen koleksi Armani yang bermula lebih 25 tahun dahulu.


Syarikat antarabangsa UBS telah menaja sebanyak USD40 juta bagi projek pameran bergerak sebagai tanda menyokong rangkaian

koleksi seni, pelukis dan juga kurator dari Asia Tenggara, Latin Amerika Timur Tengah dan Afrika Utara. Projek tersebut menawarkan pelbagai aktiviti pendidikan dan pameran bergerak antarabangsa yang dapat dimanfaatkan oleh pemain sektor tersebut. Aktiviti berbentuk antarabangsa ini mendapat perhatian global dan menjadi suatu daya penarik kepada pihak yang berkepentingan untuk melihat impak kegiatan tersebut dan sekali gus meningkatkan diplomasi budaya serta hubungan antarabangsa bertambah kukuh.

Diplomasi muzium juga akan meningkatkan kesedaran golongan muda bagi mendapat kefahaman global tentang sesuatu perkara atau peristiwa dan akan menjadi wadah untuk membantu golongan

yang memerlukan bantuan dan sokongan psikologi. Diplomasi tersebut juga akan memberikan peluang kepada pengunjung muzium mendapat kefahaman yang lebih jelas dan prihatin terhadap isu sosioekonomi dan geopolitik yang berubah dengan begitu pantas. Justeru, peranan muzium akan dilihat sebagai pemangkin bagi memberi suatu identiti baharu kepada masyarakat.

Dalam era digital ini, diplomasi muzium dapat memainkan peranan penting meningkatkan kesedaran dan penghayatan masyarakat tentang sesuatu peristiwa atau kejadian yang mungkin disalah tafsir atau disalah fahami oleh kelompok masyarakat yang kurang minat membaca. Penggunaan teknologi realiti terimbuh (augmented reality)





atau realiti maya (virtual reality) dapat meningkatkan minat serta penghayatan pelawat dan penghujung mengenai warisan sejarah dan budaya serta peristiwa penting sesuatu komuniti. Misalnya, muzium yang dapat mempamerkan tentang kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka dan diserang oleh armada Portugis yang ditunjukkan dalam bentuk realiti terimbuh akan membuatkan pelawat kagum dengan keadaan yang berlaku pada ketika itu.

Penggunaan peralatan digital juga membolehkan pelawat dari negara luar memahami bahan pameran tersebut. Pendigitalan pameran muzium akan dapat melonjakkan bilangan pelawat dan meningkatkan kefahaman mereka tentang sesuatu perkara. Justeru, kerajaan harus memberikan sokongan padu dan bekerjasama dengan pihak swasta atau kerajaan luar negara bagi mengadakan diplomasi muzium Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Dasar ini juga akan meningkatkan peluang kepada generasi muda dalam pendidikan, akses terhadap maklumat serta peluang kepada peminat yang mengunjungi pameran muzium.

Diplomasi muzium juga memberikan kesan terhadap pihak pengurusan muzium menggandakan pendapatan muzium bagi menampung kos operasi pameran dan juga perolehan bahan pameran. Keadaan ini akan meningkatkan persepsi masyarakat tentang "sekolah gambar" dan melihat pentingnya peranan muzium sebagai sumber ilmu pengetahuan. Jumlah perolehan daripada penjualan tiket pameran tidak dapat memberikan keuntungan besar kepada pihak pengurusan muzium tetapi dapat mengurangkan subsidi kerajaan bagi menampung sebahagian kos operasi muzium. Sikap keberuntungan terhadap sumber dana kerajaan harus dikaji semula agar pihak

pengurusan muzium dapat menggunakan kebijaksanaan bagi menambah pendapatan operasi muzium.

Rumusannya, muzium merupakan satu daripada pemegang taruh yang sangat penting dalam dunia diplomasi dan hubungan antarabangsa. Hal ini kerana muzium memiliki kredibiliti, kepakaran dan pengetahuan luas tentang silang budaya. Diplomasi muzium boleh menjadi wadah penyatuan umat dan masyarakat daripada berbilang kaum, etnik dan kepercayaan agama sebagai suatu identiti unik dalam konteks masyarakat majmuk. Oleh itu, diplomasi muzium harus diberikan perhatian serius oleh semua pihak dalam hasrat untuk mencapai kesatuan, perpaduan dan kebersamaan rakyat Malaysia. **ENO**

**Datuk Seri Dr. Md Zabid  
Haji Abdul Rashid ialah  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Yayasan Pendidikan  
Tun Abdul Razak (PINTAR).**